PENDIDIKAN DALAM ISLAM

Adab Guru

Siri ke-173

Perkara Fardu 'Ain dan Fardu Kifayah

Fardu 'Ain ialah perkara yang mesti dilakukan dan ditunaikan sendiri oleh tiap-tiap orang Mukallaf, dan tiada dapat diganti atau diminta orang lain mengerjakannya bagi pihak dirinya sendiri seperti wuduk, taharah, bersuci, sembahyang, puasa, zakat, menunaikan fardu haji ka Mekah Al-Mukarramah dan lain-lain lagi.

Sementara Fardu Kifayah ada kalanya boleh menjadi Fardu 'Ain umpamanya di satu tempat didapatkan tiada siapa yang layak menjadi imam sembahyang, tiada siapa yang layak menjadi Juru Nikah, tiada siapa yang layak mengajar perkara Fardu 'Ain atau Fardu Kifayah, tiada siapa yang layak menjadi Kadi melainkan orang yang tertentu itu sahaja atau tiada siapa yang ada di situ boleh menjadi saksi nikah, atau tiada siapa yang tahu dalam sesuatu perkara talak atau nikah atau mati melainkan dua laki-laki maka perkara-perkara Fardu Kifayah itu menjadi Fardu 'Ain ke atas orang-orang yang tertentu itu dan ke atas orang yang taklukan masalah itu.

Fardu Kifayah itu ada kalanya berhubung dengan perkara Syarak seperti belajar ilmu Syarak seumpama belajar membaca Al-Quran, belajar Kitab Fiqh, Kitab Tauhid, Kitab Nahu,

Kitab Tafsir, Kitab Hadis dan lain-lain.

Ada kalanya Fardu Kifayah itu berhubung dengan perkara kehidupan umat Islam di sesuatu tempat atau negeri, seperti belajar memandu teksi atau belajar memandu outboard sewa, belajar membaiki radio dan talivisyen, belajar memasang wayar letrik dan membaiki wayarnya, belajar membaiki motokar, motosikal dan lain-lain kenaikan, belajar cara-cara memproses makanan dan minuman, membuat roti dan kek, belajar menjahit dan memotong pakaian, belajar membuat perabot dan membaiki perabot, belajar membuat bangunan, belajar ilmu membungkus ikan, udang basah dan lain-lain lagi yang dikehendaki dan dituntut bagi memenuhi keperluan umat Islam. Dari sini bolehlah dikiaskan dengan lain-lain ilmu dan pengetahuan yang dikehendaki dan diluluskan dalam Islam.

Ada pun seni atau pengetahuan atau ilmu yang tiada diluluskan Islam kerana haramnya seperti seni tari-menari, berjoget, menyanyi yang bercampur-gaul perempuan-perempuan dan laki-laki, bunyi-bunyian yang dibunyikan oleh alat permainan, maka bukanlah ia Fardu Kifayah dan bukan juga ilmu Syarak bahkan ia dilarang oleh Syarak, membawa kepada fasik dan dayus.

WALLAHU A'ALAM
(Bersambung)



Memeluk Ugama Islam

SEORANG gadis dari puak Dusun pada malam Sabtu, 12hb. Februari yang baru lalu telah memeluk agama Islam dalam satu majlis yang telah dilangsungkan di rumah Awg. Haji Mohd. Zain bin Abu Bakar No. 29, Kampung Panca Delima, Berakas.

Mengucapkan dua kalimah syahadat dihadapan Ustaz Haji Taim bin Haji Salihin, seorang guru agama di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Maisah bte Puchok berusia 22 tahun telah memilih nama Islam-

nya sebagai Nornajdah bte Abdullah.

Di majlis tersebut yang turut dihadiri oleh keluarga dan sahabat handai yang diraikan, juga diserikan dengan majlis berzikir.

Gambar menunjukkan Nornajdah ketika melafazkan ikrar Islamnya dihadapan Ustaz Haji Taim di majlis tersebut. (Berita dan gambar kiriman Awg. Ramli Haji Mohd. Zain).

Pelatih2 Juruteknik PLPS Lawatan ke Semenanjung

SINAUT. — Seramai 13 orang pelatih-pelatih Kursus Juru Teknik Pertanian di Pusat Latihan Pertanian di sini, dan seorang pensyarah Awg. Abd. Rahim bin POKID Dato Paduka Awg. Hj Musa telah berlepas ke Semenanjung Malaysia pada hari Sabtu

19hb. Februari lepas.

Mereka akan berada di Semenanjung Malaysia selama sepuluh hari bagi mengadakan lawatan sambil belajar ke ladang-ladang pertanian dan institusi-institusi perta-

Antara tempat-tempat yang akan mereka lawati ialah Institut Teknologi Mara, Perlis, Projek Penanaman Padi MADA, Kedah, Pusat Kejenteraan Ladang, Jabatan Pertanian Kedah, Ladang buah pala dan cengkeh, Pulau Pinang, Projek belia di Institut Pertanian Titigan-tong, Perak, Kawasan-kawasan penanaman sayur-sayuran Cameron Highlands dan Projek penanam padi dua kali setahun Sikincang, Selangor.

Seterusnya mereka akan melawat di Ladang Ternakan dan Tanaman dan Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia, Institut Teknologi Mara, Shah Alam, Projek Pengurusan Ternakan Pusat Ternakan Paroi, Negeri Sembilan, Projek Memelihara ikan dan udang, Jabatan Perikanan Batu Berendam, Melaka dan Pengurusan Ternakan ayam, Pusat Penyelidik Pemiakan Ternakan Ayam, Johor Baharu.

Melalui lawatan ke tempat-tempat yang disebutkan di atas para pelatih dijangka akan membuat pentadbiran kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh para peladang di Semenanjung Malaysia dan Brunei di samping melihat bagaimana pihak-pihak yang berwajib di sana berusaha untuk menambah daya penghasilan dan pendapatan para tani. — ZHS.

Kursus Asas Penyeliaan Kerani

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pejabat Perjawatan melalui Pusat Latihannya akan mengadakan satu lagi kursus "Asas Penyeliaan Bagi Kerani Tingkatan III" selama 4 hari bermula dari Selasa 1hb. Mach, sehingga Khamis 5hb. Mach, dan Sabtu 5hb. Mach, 1983.

Kursus ini akan dihadiri oleh 20 orang kerani-

kerani Tingkatan III yang sudah lama berkhidmat, dari 20 buah Jabatan-jabatan Kerajaan akan ikut serta dalam kursus ini.

Pensyarah-pensyarah yang akan memberikan ceramah dalam kursus itu nanti terdiri dari Pegawai-pegawai Pentadbir dari Pejabat Perjawatan dan Pegawai-pegawai dari Yunit Latihan, Pejabat Perjawatan.

mereka akan ditempatkan di Bahagian Orang-Orang Cacat Kementerian Hal Ehwal Masharakat. Setelah itu mereka akan mengikuti penempatan singkat di pertubuhan-pertubuhan sukarela serta badan-badan kerajaan yang lain.

Antara rancangan lain dalam kursus itu termasuk penempatan ke Bahagian Kebajikan

Umum Kementerian untuk memerhatikan perkhidmatan mengenai jagaan dan bantuan bagi orang-orang tua, pemuliharaan orang-orang miskin, perkhidmatan bantuan kecemasan bagi mangsa-mangsa bencana dan malapetaka. Mereka juga akan dibawa melawat, memerhati dan mengikuti penempatan singkat di pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela.

Perkhidmatan Perubatan Udara

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Perkhidmatan Perubatan yang menggunakan pesawat helikopter akan meneruskan lagi perkhidmatannya di beberapa buah kampung di kawasan-kawasan pedalaman di Daerah Tutong, Belait dan Temburong pada bulan Mac ini.

Kelmarin perkhidmatan tersebut telah berada di Kampung Bukit, Tutong sementara pada hari 2hb. Mac perkhidmatan itu berada di Kampung Teraja Apak-apak B. Pada hari Isnin depan 7hb. Mac mereka akan pergi ke Kampung Bua, Belait, pada 8hb. Mac akan berada di Kampung Benutan dan pada 9hb. Mac, akan berada di Kampung Mapol Baru Menembun.

Seterusnya perkhidmatan perubatan itu akan berada di Kampung Lopa, 14hb. Mac, dan pada 15hb. Mac mereka akan berada di Kampung Biau, Menengah Lamaling, Temburong. Pada 16hb. Mac di Kampung Paschong, Tutong, pada 21hb. Mac di Kampung Ukung, dan pada 22hb. Mac di Kampung Sukan, Belait dan di Kampung Belabau, Tutong pada 25hb. Mac, 1983.

Akhir sekali perkhidmatan perubatan itu akan berada di Kampung Melilas, Belait pada 28hb. di Kampung Supon Besar, Tutong pada 29hb. dan di Kampung Long Mava, Supon Kecil, Tutong pada 30hb. Mac, 1983. — ZHS.

Lawatan Muhibbah ke Sarawak

JERUDONG. — Seramai 15 orang ahli-ahli Kelab Kebajikan dan Sukan Jabatan penaja Brunei telah mengadakan lawatan muhibbah selama empat hari ke Penaja Pusat, Sibu, Sarawak.

Rombongan tersebut telah diketuai oleh Penguasa Penjara Brunei, Awang Abd. Wahab bin Haji Mohd. Said. Mereka telah bertolak ke Sibu pada 24hb. Februari lepas dengan menjadi tetamu kepada Penaja Pusat Sibu.

Semasa berada di sana mereka telah membuat lawatan ke beberapa buah penjara di tempat tersebut, di samping mengadakan perlawanan sukan dengan tuan rumah

Ikuti Kursus Perkhidmatan2 Kebajikan

BERAKAS. — Seramai lima orang pekerja-pekerja Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan telah berlepas ke Singapura pada hari Selasa lepas bagi menjalani kursus selama lima minggu dalam perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan.

Mereka ialah Awang Ahmad Al-Shokry bin Haji Julaihi, Dayangku Hajjah Zainab bte Pg. Haji Taha Dayang Minah bte Haji

Rashid dan Awangku Suhaimi bin Pg. Zunaiddi.

Semasa menjalani kursus tersebut mereka akan dibahagikan kepada tiga kumpulan bagi meliputi tiga bahagian tertentu iaitu perkhidmatan bagi orang-orang cacat, perkhidmatan bagi kanak-kanak dan perkhidmatan bagi orang-orang tua dan kesempatan hidup.

Mula-mula sekali

SUKAN PELITA

Kelolaan:
Manaf RahmanSEPAK TAKRAW
TERBUKA
KEPADA GURU2

SEKOLAH Menengah SMJA akan menganjurkan satu kejohanan sepak takraw yang terbuka kepada guru-guru dan kakitangan sekolah dan makrab serta bahagian-bahagian Jabatan Pelajaran di Daerah Brunei dan Muara saja.

Dalam pada itu bagi sekolah-sekolah rendah tidak lebih dari dua buah

sekolah yang berdekatan (tidak berasingan tempat).

Perlawanan ini akan dibahagikan kepada dua bahagian, Bahagian A untuk perlawanan bergu bagi merebut piala sumbangan Pg. Yaakub Pg. Othman dan Bahagian B untuk berpasukan bagi piala rebutan guru-guru S.M. SMJA.

Sistem perlawanan akan dijalankan secara liga kumpulan dan banyak pasukan atau regu tidak dihadkan. Bagi perlawanan bergu satu pasukan hendaklah mempunyai tiga regu yang mengandungi 12 pemain termasuk simpanan.

Manakala acara berpasukan mengandungi em-

pat pemain termasuk simpanan. Penyertaan bagi bahagian bergu akan dikenakan bayaran sebanyak \$40.00 dan pasukan sebanyak \$15.00.

Semua perlawanan akan diadakan pada sebelah malam bertempat di Dewan Sekolah Menengah SMJA.

Borang-borang penyer-taan sekarang boleh didapati dari Awang Mohammad bin Salleh, Md. Said bin Yusof, Zainal bin Hussain, Limpah bin Kongpau, Md. Nor bin Ahmad, Abas Mat Jerah dan Muhammad bin Karim dan hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 17hb. Mac depan.

Kejohanan Bolasepak
Belia2 19 tahun kebawah

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Ceteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz akan membuka rasmi Kejohanan Bolasepak Belia-belia berumur 19 tahun kebawah pada hari Ahad, 6hb. Mac depan bertempat di Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong.

Kejohanan ini adalah buat kali kelima dikedalikan oleh Persatuan Bolasepak Amatur Negeri Brunei (BAFA) dan ditaja oleh Syarikat Minyak Shell Brunei.

Pasukan Temburong A dan Belait A akan bertemu di hari pembukaan. Lapan buah pasukan akan bertarung di kejohanan ini terdiri dari dua buah pasukan bagi tiap-tiap daerah.

Kejohanan kali ini akan melibatkan empat buah padang iaitu Padang KBRC, SMM Muda

Hashim, Kebajikan dan Bangar dan ini adalah julung-julung kali perlawanan diadakan di Temburong yang melibatkan Belait B, Tutong B dan Brunei B.


Terdahulu sebelum itu pada hari Sabtu, 19hb. Februari lepas bertempat di Bilek Bacaan Pusat Belia telah berlangsung satu penyampaian kelengkapan alat sukan untuk liga tersebut sumbangan dari Shell yang telah dilaksanakan oleh Pegawai Hal-Ehwal Masyarakat Awang Zaini Haji Omar (gambar atas).

J-Kuasa
Tadbir 82/83
Persatuan
Hoki Brunei

PERSATUAN Hoki Brunei telah mengadakan mesyuarat agungnya pada hari Jumaat, 11hb. Februari lepas bertempat di Bilik Bacaan Pusat Belia (gambar atas).

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua Persatuan itu Pg. Badaruddin Pg. Ghani adalah bagi melantik ahli jawatankuasa tadbir 1982-83 serta meluluskan beberapa rancangan bagi mengadakan perlawanan hoki dalam negeri serta lain-lain kegiatan bagi persatuan tersebut.

Di samping itu juga Persatuan Hoki Brunei sedang meneliti penyertaan hoki ke Sukan SEA di Singapura termasuk membuat pemilihan dan membentuk satu pasukan hoki bagi mewakili pasukan kebangsaan ke sukan itu nanti.



PASUKAN Ayer A dan B telah berjaya menjadi juara perlawanan tarik kalat antara bahagian-bahagian Jabatan Kerja Raya dalam Pesta Sukan Ria JKR yang telah berlangsung pada 30hb. Januari lepas, di kompleks sukan jabatan tersebut.

Pasukan tersebut telah memenangi kedua bahagian iaitu bagi acara 150 paun ke atas dan dan 150 paun ke bawah dengan menewaskan Pasukan Pool Transport A dan B.

Dengan kemenangan ini pasukan itu telah berjaya mempertahankan kejuaraan dan piala sumbangan jawatankuasa Pesta Sukan 1981/1982.

Siri Piala Malaysia :

KEDUDUKAN BRUNEI
MASIH TERJAMIN

KEDUDUKAN Brunei masih terjamin di tangga atas meskipun hanya mampu mengutip satu mata dari dua perlawanannya dengan Melaka dan Tentera.

Kekalahan mengejut Kelantan di tangan penyanggah juara Selangor dan kemenangan Brunei dengan keputusan seri menentang Tentera membolehkan Brunei bertahan di tangga ketiga setakat ini.

Dalam perlawanan pertamanya bertembung dengan Melaka Brunei gagal menamatkan riwayat tanpa kalah pasukan tuan rumah itu dan sebaliknya menerima habuan dengan jaringan dua gol tanpa balas.

Dari laporan akhbar hanya Ali yang bermain dengan cemerlang mengekang gawangnya dari ditembusi dengan lebih banyak gol terutama dalam separuh masa pertama menangkis beberapa percubaan Melaka.

Tapi barisan pertahanan yang kukuh kacir dalam separuh masa kedua membolehkan Ramli Junit menjanginkan gol pertama di minit ke 75 dan Azmi Hassan dua minit kemudian bagi memusnahkan kegairahan impian Brunei menjadi pasukan pertama mencatatkan kemenangan dengan Melaka.

Para pemain bagaimanapun menyedari betapa impian untuk memasuki suku akhir masih jauh dan pertembungan dengan pasukan Sabah di Stadium Likas nanti tentu akan menyulitkan sedikit memandangkan Sabah bersemangat setelah berjaya mengutip tiga mata dari dua perlawanannya lepas.

Apapun jua, menewaskan Sabah nanti tentu mengembirakan pasukan kebangsaan bukan setakat dapat meraih mata tapi terbalas dendam di Piala Borneo bila pasukan Sabah menundukkan Brunei di kejohanan tersebut.

Ubahsuai jambatan Bailey siap

SERIA. — Kerja-kerja pembaikan dan pengubahsuaian ke atas enam buah jambatan Bailey di jalan-jalan di Belait hingga ke tempat pemeriksaan sempadan di Sungai Tujuh telah siap dilaksanakan baru-baru ini.

Projek ini adalah atas biayai Kerajaan Brunei sementara kerja-kerja dan pemborongan telah diawasi oleh Brunei Shell.

Cara pembaikan dan pengubahsuaian, seperti yang direkabentuk sendiri oleh Jabatan Rekabentuk Kejuruteraan (EDE), adalah satu perkara yang unik kerana jambatan yang tunggal dengan sendirinya bertukar menjadi jambatan gantung dengan tiada perlu untuk membuat sebarang perubahan binaan ke atas juk jambatan asal.

Pegawai2 Perikanan lawat Shell

SEKUMPULAN seramai 12 orang pegawai dari Jabatan Perikanan telah membuat lawatan ke Syarikat Minyak Shell Brunei baru-baru ini.

Pegawai-pegawai tersebut telah mendengar taklimat dari wakil-wakil jabatan-jabatan Penghasilan (OPD), Pembinaan Kejuruteraan (ECO) dan Keselamatan dan Alam Sekitar (OSA). Mereka juga diberi kesempatan untuk melawat kompleks luar-pantai Ampa-6.

Sementara itu, satu kumpulan dari Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah melawat Hospital Panaga. Di sana mereka telah diberikan taklimat oleh wakil Jabatan Perubatan Syarikat (PML).

Dahulu jambatan itu boleh menampung kenderaan seberat maksima tujuh tan, sekarang ia boleh menampung kenderaan berat muatan sehingga 20 tan dengan berat pasak maksima 12 tan yang mana harus mencukupi bagi kegunaan awam yang biasa, tetapi tidak termasuk penggunaan-penggunaan oleh sebilangan logi yang besar dan peralatan.



BILIK PAMERAN SHELL DI MUZIUM DIROMBAK

SERIA. — Kerja-kerja merombak ke atas bilik pameran Brunei Shell di Muzium Brunei di Kota Batu telah selesai dijalankan baru-baru ini. Bilik pameran tersebut dipasang adalah sebagai satu sumbangan Brunei Shell terhadap kemerdekaan negeri ini yang tidak berapa lama lagi.

Rancangan bagi mendapatkan bilik pameran Brunei Shell ini telah dirancang sejak dalam tahun 1969 lagi, dengan tujuan memberikan kemudahan pelawat-pelawat sedikit pengetahuan tentang perusahaan minyak dan gas, yang mana sehingga tahun 1971 baharulah kerja-kerja pembinaan tersebut selesai dijalankan dan setahun kemudiannya Muzium Brunei telah dibuka rasmi oleh Ratu Elizabeth II.

Sehingga sebelum dirombak semula, bilik pameran itu sudah pun berusia kira-kira sebelas tahun. Dan dengan perombakan itu sebilangan bahan-bahan lama telah diambil semula oleh Jabatan Hal Ehwal Awam Brunei Shell, iaitu antara barang-barang yang telah diambil ialah tanker minyak, rig turunkan, alat-alat penyelidikan bumi dan gerudi.

Sementara tiang-tiang paip, tiang keluli, jalur-jalur balak dan pemasangan-pemasangan lampu telah didermakan kepada Sekolah St. Micheal, Seria.

Manakala, bilik pameran yang baru ini nanti, pertunjukannya akan menggunakan teknik-teknik baru yang boleh digerakkan dengan menekan butang-butang punat.

Alat-alat kelengkapan dan kerja lukisan bagi bilik pameran yang baru itu telah sampai dari United Kingdom di penghujung bulan lepas, dan kerja-kerja pembinaannya akan dimulakan dalam bulan Mac ini dan dijangka siap dalam bulan Jun.

Bilik pameran ini nanti akan menunjukkan keterangan-keterangan dalam kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris, yang dilengkapi dengan

gambarajah-gambarajah dan gambar-gambar berwarna.

Di bilik itu juga akan diadakan panggung bagi tayangan dan syarahan yang boleh menampung seramai 32 orang.



Benggol2 dipasang

SERIA. — Bagi mengurangkan had kenderaan-kenderaan yang melalui kawasan bengkel SES di NIA, Brunei Shell telah memasang benggol di kawasan itu yang direkabentuk oleh Road Research Laboratory, United Kingdom.

Perjalanan di benggol-benggol itu sangat lancar

dan tiada apa-apa akibat dirasakan oleh pemandu-pemandu dan penumpang-penumpang di dalam kereta-kereta. Trak-trak dan trailer-trailer yang sentiasa mengangkut berbagai-bagai muatan di kawasan itu juga akan melintas dengan selamatnya.

Walau bagaimana pun jika melebihi 15 batu sejam, maka kedudukannya akan berubah di mana penumpang-penumpang di dalam kenderaan dan muatan-muatan yang mereka angkut akan merasakan guncangan yang kuat.

Ganti logo

SERIA. — Syarikat Pemasaran Shell Brunei masa ini sedang dalam proses untuk menggantikan "logo" lama yang terpasang di semua stesen penjualan minyak di seluruh negeri.

Kerja-kerja pengaliran yang akan meliputi sebanyak 27 buah stesen minyak di darat dan lima buah yang terapung di tujuh buah stesen papan di sungai.

Syarikat Pemasaran Shell menjangka kerja ini akan selesai dalam penggal kedua tahun ini.

Guna racun herba kawal rumput

JABATAN Perkhidmatan perkhidmatan Perumahan di sini kini sedang menjalankan satu ujian ke atas penggunaan racun herba untuk mengawal tumbuhan-tumbuhan rumput di dalam jejak paip (gambar atas).

Pada bulan September tahun lalu, satu saluran paip gas Seria telah pecah akibat rumput-rumput dikawal dengan menggunakan sabit atau mesin pemotong rumput. dan jabatan itu memutuskan untuk memberhentikan cara pengawalan demikian.

Perbincangan telah diadakan dengan Shell Singapura dan dengan sokongan akhir diputuskan untuk mencuba pembunuh rumput Bromacil yang mana ianya tidak mudah berkarat dan terbakar serta tidak mudah beracun dengan penggunaan yang terkawal.

Bromacil sejenis tepung yang basah dengan 80 peratus bahan-bahan yang aktif telah dijalankan dengan menggunakan semburan yang berapung menyembur sejauh kira-kira 30 kaki.

Alat penyembur telah dipinjam dari Pusat Latihan Pertanian Singapura untuk memulakan ujian itu dan penggunaan racun-racun herba akan diperluaskan lagi ke kumpulan-kumpulan tangki dan lain-lain kawasan sekililing padang minyak.

Ini akan mengurangkan sedikit perbelanjaan syarikat dalam pemeliharaan kawasan di Seria.



Tragedi kemalangan helikopter Angkatan Tentera Singapura ...

Oleh: Timbang Bakar
Gambar: Pg. Yaakub

BERAKAS. — Nahas sebuah pesawat helikopter kepunyaan Angkatan Tentera Singapura yang jatuh terhempas berdekatan dengan sebuah rumah pekebun sayur di Kampung Pancha Delima kira-kira lima batu dari Bandar Seri Begawan telah mengorbankan dua orang pegawai di dalamnya.

Kejadian ngeri itu berlaku kira-kira pukul 10.00 pagi ketika pesawat tersebut sedang diuji penerbangannya yang dikendalikan oleh dua orang pegawai berkenaan yang berpangkat letenan.

Adalah difahamkan setelah berada kira-kira dua puluh minit di udara setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa di sini pesawat tersebut dilaporkan berada dalam kecemasan dan gagal untuk mendarat yang kemudiannya meletup sebelum terhempas.

Pasukan Bomba dan pasukan-pasukan kecemasan yang lain segera berkejar ke tempat kejadian kira-kira sepuluh minit kemudian. Pasukan Polis Unit Simpanan juga dikejarkan ke sana untuk mengawal keadaan.

Menurut beberapa orang penduduk di situ yang menyaksikan kejadian tersebut berkata, sebelum jatuh terhempas dan terbakar pesawat itu telah meletup di udara dan orang ramai merasa takut menyaksikan peristiwa demikian di mana akhirnya terhempas berdekatan dengan sebuah rumah wam dan kebun sayur.

Sebelum pasukan-pasukan keselamatan sampai ke tempat kemalangan itu penduduk kampung telah bertungkus-lumus memadamkan api kebakaran dari pesawat berkenaan dari merebak ke rumah-rumah yang berdekatan, di samping juga menyelamatkan kedua-dua pegawai tentera yang terlibat.

Kejadian ini adalah kali kedua berlaku setakat ini. Pada tahun 1979, kira-kira

tiga tahun yang lalu sebuah pesawat helikopter kepunyaan Angkatan Tentera Singapura juga telah terhempas di Daerah Temburong tetapi tidak melibatkan kemalangan jiwa.

Sepasukan penyiasat dari Kementerian Pertahanan Singapura telah tiba di negeri ini sehari kemudian untuk membuat penyiasatan mengenai punca kemalangan tersebut. Di samping itu mayat kedua orang pegawai tentera yang terkorban itu telah diterbangkan pulang ke Singapura.



KELIHATAN orang ramai berkerumun menyaksikan sebahagian dari bangkai pesawat helikopter yang telah hancur berkecai setelah meletup dan terbakar. Bahagian-bahagian lain pesawat tersebut jatuh berselerak di sekitar kawasan seluas kira-kira satu ekar.

2 PEGAWAI TENTERA TERBUNUH SERTA MERTA

Berikutan dengan kejadian itu, Pegawai Memerintah Angkatan Tentera Singapura yang berada di Brunei, Lt. Kol. Syed ketika dihubungi menyatakan rasa dukacitanya atas kejadian yang tidak diingini itu.

Di samping itu beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pasukan-pasukan kecemasan dan pegawai-pegawai keselamatan yang telah sudi menghulurkan bantuan, pertolongan-pertolongan dan kemudahan-kemudahan sehingga segala urusan berjalan

dengan baik dan teratur.

Lt. Kol. Syed juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penduduk-penduduk kampung yang telah bertungkus-lumus tanpa menghiraukan keselamatan mereka memberikan bantuan awal sebelum pasukan-pasukan kecemasan tiba di tempat kejadian itu.

"Pihak kami amat bangga dan manyanjung tinggi terhadap budi baik dan kerjasama yang telah diberikan oleh penduduk kampung serta pihak-pihak yang berkenaan Kerajaan Brunei dalam membantu kami semasa kejadian itu," katanya.

Turut berada di tempat kejadian kemalangan itu termasuklah Pesuruhjaya Polis YAM Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Timbalan Pesuruhjaya Polis YAM Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Dato Penghulu Pengiran Haji Apeng serta lain-lain pegawai kanan polis.



GAMBAR atas salah satu jeket keselamatan yang dipakai oleh salah seorang pemandu yang terlibat terhumban dan menyangkut di ranting kayu, manakala gambar bawah salah satu badan pesawat tersebut yang juga terpisah dari badan induknya.

Keputusan Peperiksaan

Dari muka 4

G211 — MMPSBS/
SEKOLAH SAINS,
JALAN MUARA

Norliza bte Awg Abdul Halim 8, Dy Hairani binte Muhammad 8, Dy Haslinda bte Ag Mohd Hassan 8, Dy Mariah bte Haji Yahya 8, Dk Sadiyah bte Pg kalong 8.

Rusidah bte Ibrahim/-Ibrahim 8, Zaleha bte Mohd Salleh 8, Dy Haji bte Hj Chuchu 8, Mas Suriaia Wati bte Ab Hamid 8, Idris bin Hj Md Ali 8.

Fadzil bin M Salleh 7, Poh Seng Chong 7, Dk Fatamawati bte Pg Hj Damit 7, Dk Halipah bte Pg Hj Kamaludin 7, Dy Noraini binte Mahmud 7.

Rohana binte Mohsin 7, Ali Bakar bin Kasim 7, Nawawi bin Ahmad 7, Dk Hj Saadiah P Muda H Hasim 7, Mariani bte Sabtu 7.

Sabarlah bte Hj Abd Salam 7, Siti Hafsa bte Abd Hamid 7, Zulkifli bin Md Yusuf 7, Dk Salwana bte Pg Ibrahim 6, Dy Rose Dalilah bte Ramlee 6.

Dy Suzana bte Awang Adenan 6, Munah binte Yahya 6, Norliza binte Johari 6, Dy Rosni binte Hj Jair 6, Ak Raduan bin Pg Omar 6.

Ali Bujang anak Junidi 6, Zakaria bin Mohd Ali 6, Dy Hariyati bte Mohd Saidi 6, Zakiah bte Nayan 6, Aminudin bin Md Yaakub 6. Dollah bin Ahad 6, Osmawi bin Osman 6, Ak Omaralli P H Mokhtar Puteh 5, Jaini bin Yusof 5, Dk Mahani bte Pg Mumin 5.

Saerah binte Liman 5, Saniah binte Sani 5, Siti Salmah bte Abu Salim 5, Abdullah Sani bin Aji 5, Awang bin Hj Munap 5, Dk Rohaya binte Pg Damit 5.

Dk Roselawati bte Pg Halus 5, Mastura binte Omar 5, Dayang Suraya bte Pg Hj Zainal 5, Ajizah/Darinah b Hj Abd Manaf 5, H A Mohd Amar Rizal H A Adnan 4, Ahmad bin Naim 4.

Dayang Norzanah bte Hj Hambali 4, Dk Salamah bte Pg Mahmud 4, Abang Abas b Abang Omarzuki 4, Ak Omar bin Pg Hj Samsuddin 4, Marzuki bin Abdullah 4, Mohammad Noor bin Hj Lawie 4.

Suib bin Musa 4, Hajjah Nafiah b Hj Mohd Hassan 4, Norashikin binte Abd Rahman 3, Dayang Fatimah bte Md Ali 3, Dayang Sakdiah bte Mohammad Noor 3, Dk Hamidah binte Pg Othman 3.

Dk Norain bte Pg Kifli 3, Dayang Fatimah bte Hj Salleh 3, Khadijah bte Abd Rashid 3, Nora bte Mohd Yusof 3, Hj Mosthapa bin Awg Hj Matahir 3.

Hj Sahrani bin Awg Hj Mislee 3, Ramli bin Abu Bakar 3, Aisah bte Mirasan 3, Kamariah bte Kahan 3, Radziah bte Hj Abd Hamid 3, Dayang Saadiah b Abd Rahman 3.

Ak Bahrin bin Pg Bahar 3, Joffry bin Hj Bungsu 3, Abd Rahim bin Hj Metussin 3, Amran bin Abas 3, Mohammad bin Baha 3.

Morni bin Hj Ahmad 3, Dk Hasmah binte Pg Ahmad 3, Maritolkamsiah bte Haji Nayan 3, Norlila binte Tamit 3.

Rakiah binte Haji Abdullah 3, Ak Kamarudzaman b Pg Md Ishak 3, Awang Omar bin Mohd Jair 3, Hj Mat Ramlee b Hj Awg Ibrahim 3.



RANCANGAN TV MINGGU INI

PEHAH Radio Talivisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

HARI RABU 2HB. MACH

HARI JUMAAT 4HB. MACH

6.05 TARZAN LORD OF THE JUNGLE
6.30 WORLD OF BIRDS :
"Who Needs A Wash?"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 WORLD OF BIRDS — sambungan

HARI ISNIN 7HB. MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GREAT SPACE COASTER
5.30 THE NEW ADVENTURES OF SUPERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 DIFFERENT STROKES
6.30 321 CONTACT
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 321 CONTACT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 JULIET BRAVO :
7.49 AZAN ISYAK
7.54 JULIET BRAVO — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 PRIVATE BENJAMIN :
"Gone With the Jeep"
9.35 QUINCY : "Baby Rattlesnakes"
10.25 TAYANGAN GAMAR :
"Lucifer Complex" (Scifi)
11.55 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 3HB. MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 FLINTSTONE FROLICS
6.30 WORLD OF SURVIVAL :
"Mustang"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 WORLD OF SURVIVAL — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 KNIGHT RIDER (Siri baru) — Bhg 1
7.49 AZAN ISYAK
7.53 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 ROAD TO WEMBLEY
10.35 BOSOM BUDDIES :
Hildy's Dirt Nap
11.05 BELLAMY
12.05 SIARAN TAMAT.

TENGAHARI

12.00 LAGU KEBANGSAAN
12.02 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 RANCANGAN AGAMA
12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BSB. (Siaran langsung)
1.30 APANYA KITANI (Ulangan)

PETANG

2.15 HAPPY GO ROUND
3.00 HEATHCLIFF AND MARMA-
DUKE
3.30 WILD LIFE ON ONE :
"American Eagle"
3.57 AZAN ASAR
4.00 THESE ARE THE DAYS
4.25 KAP KAP UDANG
4.55 ELECTRIC COMPANY
5.20 WORKING WITH CLAY
5.35 THE ODDBALL COUPLE
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.30 SECRET VALLEY :
"The Oily Bird Catches The Worm"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 SECRET VALLEY — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SPIDERMAN — Pilot Bhg 2
7.49 AZAN ISYAK
7.54 SPIDERMAN — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DAILOG
9.05 DALLAS : "The Billion Dollar Question"
Pengangguran tidak mernendekkan fikiran J.R. yang bergeliga dengan tipu muslihat.
9.55 DETECTIVE SCHOOL
10.25 SNOOKER : "Canada vs Scotland" Bhg 2
10.55 STRIKE FORCE :
"Tandora Victor"
12.25 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 5HB. MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BARBARA MANDRELL AND MANDRELL SISTERS
7.48 AZAN ISYAK
7.54 BARBARA MANDRELL AND MANDRELL SISTERS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK
9.35 TAYANGAN FILEM INDONESIA :
"Ateng Sok Aksi"
11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR :
"Love Tapes"
12.35 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 6HB. MACH

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 KIMBA THE WHITE LION
"The Red Monster"
2.45 THE JEFFERSONS
3.10 BIG LEAGUE SOCCER
3.56 AZAN ASAR
3.59 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
4.00 PLASTIC MAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 TECHNOLOGY RISKS AND OPPORTUNITIES : "Solar Operated Industrial Plants"
5.15 ON SAFARI
5.45 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE FONZ AND THE HAPPY DAYS GANG : "Ming Fu To You, Too"
6.30 ANGIE :
"The Kid Down The Block"
Seorang penuntut mencari helah untuk ponteng sekolah. Dia berjumpa Dr Bradley Benson untuk meyakinkannya bahawa dia menghidap sejenis penyakit
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 ANGIE — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE LOVE BOAT
7.48 AZAN ISYAK
7.53 THE LOVE BOAT : sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 APANYA KITANI
9.25 MIND YOUR LANGUAGE
9.55 TAIWAN DOCUMENTARY :
"The Other Faces Of Taiwan"
10.45 RUSH : "The Second Oldest Trade"
11.35 DARKROOM
12.25 SIARAN TAMAT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE WINTER OF ENCHANTMENT
5.15 SUPERFRIENDS :
"Mysterious Moles"
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 THAT'S INCREDIBLE — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE POWERS OF MATTHEW STAR
7.48 AZAN ISYAK
7.53 THE POWERS OF MATTHEW STAR — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 CONNECTIONS :
"Death of The Morning"
9.55 SHOGUN
10.45 SOAP : Elaine mengakui kejahanya terhadap Danny dan memaaf kepadanya supaya dapat mendapat kesempatan kedua.
11.15 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 8HB. MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HUCKLEBERRY FINN
5.30 HANS CHRISTIAN ANDERSEN
6.00 BERITA AWAL
6.05 NOVA DOCUMENTARY
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 NOVA DOCUMENTARY — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY :
"The Silent Partner"
7.49 AZAN ISYAK
7.53 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN "Brunei Lwn Pol"
9.20 DYNASTY
10.20 TAYANGAN GAMBAR :
"Love Thy Neighbour"
11.55 SIARAN TAMAT.

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 MHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 MHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI:

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Dendang Suria
6.45 Berita
6.50 Dendang Suria
7.05 Panduan Sukan
8.15 Intisari Rancangan

TENGAHARI

12.00-12.45 Sajian Tengahari (Mempersembahkan lagu stereo)
12.15 Mutiara Titah
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis)

PETANG

5.45 Brunei Dalam Sejarah
6.00 Siri Mukaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib.

MALAM

10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Do'a Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita-berita dalam dan luar negeri)
8.00 pagi

10.00 pagi
12.45 tengahari
1.30 tengahari (tiap-tiap hari Jumaat)

3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita-berita dalam Bahasa Dusun dan Iban)

9.30 malam Berita Dunia dari BBC London.

Menyiarkan AZAN:

Dzohor, Asar, Maghrib dan Isha.

HARI RABU 2HB MAC

HARI SABTU 5HB MAC

PAGI: 7.15 — Sudut Pelita, 7.50 — Khidmat Radio, 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Lambaran Dari Awda, 11.30 — Dendang A. Rahman Onn.

T/HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Citra Irama, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Titian Budaya (SU), 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Ratu Kencana Wungu siri 1), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Senja, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Belia Mewakili Zamannya, 8.30 — Majalah Radio, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Menyusur Pendalaman (SU), 9.45 — Senandung Budaya, 10.00 — Senandung Malam.

HARI KHAMIS 3HB MAC

PAGI: 8.30 — Pertanian, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.

T/HARI: 1.30 — Puspasari/Keroncong.
PETANG: 2.00 — Citrawara (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama/Soal Jawab Ugama, 4.00 — Irama Gambus/Asli, 4.15 — Sandiwara Radio (SU), 4.45 — Senandung Budaya, 5.00 — Untuk Awda (Hidangan Lagu-lagu Dakwah), 5.45 — Lagu-lagu Nasihat, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.45 — Lagu-lagi Asli.

HARI JUMAAT 4HB MAC

PAGI: 7.30 — Khidmat Radio, 7.50 — Future Event, 8.25 — Panduan Wanita, 9.00 — Ujilah Bahasa kita, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

T/HARI: 12.00 — Lagu-Lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-Lagu Nasyid, 1.45 — Lagu-Lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong/Puspasari, 3.15 — Panduan Sukan, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.15 — Dailog Semasa (SU), 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Suntingan Kutbah Jumaat, 5.15 — Senandung Lagu-Lagu Lama, 5.45 — Sayu dan Merdu, 6.15 — Bingkisan Hari Ini (SU).

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 7.30 — Majalah Radio, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Soal Jawab Ugama/Majalah Ugama (SU), 9.45 — Mari Berpantun (SU).

PAGI: 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampai Sari, 11.30 — Hiburan Untuk Adek-adek.

T/HARI: 1.30 — Lagu-Lagu Dari Filem, 1.45 Dailog Semasa.

PETANG: 2.00 — Mutika Suku Akhir '83, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mingguan Pelajar (SU), 4.15 — Selingan, 4.30 — Mutiara Asli, 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Agama, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Citra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.45 — Usaha Jaya.

HARI AHAD 6HB MAC

PAGI: 8.20 — Panduan Kesihatan, 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Pilihan Juruhebah, 10.30 — Balai Drama, 11.00 — Kugiran Tanah Air, 11.30 — Berbalas Pantun.

T/HARI: 12.00 — Tahniah Dan Ucapan Selamat, 1.30 — Ujilah Bahasa Kita, PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Irama Gembira, 3.30 — Majalah Sukan, 4.00 — Senandung Pujaan Lama, 4.30 — Citrawara, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Parajurit, 9.00 — Keroncong/Puspasari (SU), 9.45 — Di Buang Sayang (Permintaan Lagu-Lagu Lama).

HARI ISNIN 7HB MAC

PAGI: 8.30 — Menyusur Pendalaman, 9.00 — Wanita Dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Dengan Ku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.

T/HARI: Mutiara Titah, 1.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun (SU), 3.15 — Pilihan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Titian Budaya (SU), 4.15 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Ketani, 4.45 — Rampai Joget, 5.00 — Belia Mewakili Zamannya,

5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Ugama (SU), 6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Sains Dan Perusaahan, 9.00 — Lagu-Lagu Keroncong, 9.45 — Ku Tujukan Lagu.

HARI SELASA 8HB MAC

PAGI: 8.25 — Panduan Wanita, 8.30 — Suara Perajurit (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Rampai London, 10.45 — Lagu-lagu Permintaan Kaum Wanita, 11.15 — Dari Lambaran Awda, 11.30 — Senandung Seloka.

T/HARI: 1.30 — Senandung Pujaan Lama (SU).

PETANG: 2.00 — Mutika Suku Akhir '83, 3.15 — Gema Silam, 3.30 — Usaha Jaya, 4.00 — Gema Keroncong/Puspasari, 4.30 — Seni Dan Sastera, 5.00 — Varia Peristiwa, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Hiburan Senja, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Ruangan Ketani (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Kugiran Tanah Air (SU), 9.45 — Senandung Malam.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

8.00-9.30 Classical music night With Rory Higgins

Thursday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.45 Stereo Pop Special: "Bad Manners" Side 2.
9.30 Country Club — 30.

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Battle of Words (upper Secondary) Berakas English School vs Perdana Wazir English School.
11.30 Children's half hour

NOON

12.00 Yesterday Once More — 9

P.M.

12.45 Neil Richardson Presents — 9/12
1.45 Book Club: Fellow Townsmen — 4/5.

P.M.

8.00 The World of Books.
8.45 International Money Programme.
9.00 Perspective
9.30 Jim Reeves and His Music 6/7 (Side 1 of 2).

Saturday

P.M.

8.00 Melody Time.
8.45 Animal, Vegetable or Mineral — 27/30.
9.30 Top of The Pops — 951

Sunday

A.M.

11.00 Battle of Words (Lower Secondary) Berakas English School vs Perdana Wazir English School.

11.30 Practical World

11.45 London This Week

NOON

12.00 Animal, Vegetable or Mineral 27/30.

P.M.

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 952 (repeat)
1.30 Close Down.

STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 Do You Know . . . ? (Science Made Easy) "Wonders of the World"
8.30 English Examined—52
8.45 BBC Science Magazine (M)
9.30 Drama: The Hornblower Story: "Plan for Rebellion"

by C.S. Forester adapted for radio by Gielgud — 2/5.

Monday

P.M.

8.00 Profile: Gary Numan (Side 2 of 2)
8.45 Up The Belait River without A Paddle — 85 with guest this week Robert Neil.
9.30 All That Jazz — 36.

Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You
9.30 In Sentimental Mood — 31

Daily

A.M.

6.32 Quran and It's translation
6.40 Brunei's Am
7.00 BBC and Local News
7.15 Brunei's A.M.
11.00 Ladies At Eleven — except Fridays and Sundays
12.00 Lunch Break — except Fridays and Sundays
12.30 News and weather report — and tide table and Today In History of Brunei.

P.M.

8.30 Radio Newsreel (except Sundays)
9.15 News

Sandiwara Radio:

'INSAF' — Jambol Tunjang

SANDIWARA Radio Minggu Ini berjudul INSAF, tulisan Jambol Tunjang Brunei.

Berbaik-baik dalam bermasyarakat adalah satu sifat yang terpuji dan tidak kurang memainkan peranan yang penting dalam kehidupan kita. Bantu-membantu adalah perlu dalam hidup berjiran. Tapi keadaan ini berbeza pada mereka yang biasa hidup di bandar, seperti Tuan Kadir. Baginya, walaupun dia sudah berpindah bersama keluarganya ke kampung, tapi dia sengaja tidak mahu menyesuaikan dirinya dengan penduduk kampung itu.

Isterinya, Ibu Nordiah, merasa sangat kesal dengan perangai suaminya yang angkuh itu. Dia mengharapkan supaya suaminya dapat mengubah sikap dan menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling mereka. Begitu juga harapan Kamil anak mereka. Tapi malangnya Tuan Kadir masih tetap dengan prinsipnya untuk tidak mahu bergaul dengan orang-orang kampung.

Orang-orang kampung juga dapat merasakan sikap angkuh Tuan Kadir itu, terutamanya pada Pak Ngah. Tuan Kadir tidak suka anaknya bergaul dengan anak-anak muda di kampung itu, kerana baginya mereka tidak setaraf untuk bergaul dengannya.

Walau macamanapun, Kamil tidak mengindahkan langsung dengan pesanan yang diberikan oleh ayahnya itu, yang dirasakannya sebagai tidak berasas sama sekali. Dia tetap mengambil keputusan untuk terus bergaul dengan penduduk

di kampung itu. Dari pergaulan itu pula telah membuahkkan cinta di antara Kamil dan Fauziah. Bagi Pak Ngah dan Fauziah tentulah mereka serba salah kerana khuatir akan reaksi Tuan Kadir terhadap keputusan mereka itu nanti.

Orang kampung yang tidak senang dengan sikap sombong Tuan Kadir itu, telah bermuafakat sesama mereka untuk membalas tingkah lakunya itu. Bagaimanakah cara mereka membuat pembalasan itu? Akan berubahkah sikap Tuan Kadir terhadap orang-orang kampung?

Bersetujukah dia jika anaknya Kamil berkahwin dengan Fauziah? Semua persoalan ini akan dapat dijawab jika para pendengar mengikuti siarannya pada 6hb. Mac, 1983 jam 10.30 pagi.

Sandiwara Radio Minggu Ini diterbitkan oleh Salmah Abd. Rahman.

Radio minggu ini:

ILHAM DAN KAR

SUDAH berlalu dua bulan kita dikandung tahun 1983, namun belum juga terbayang tanda yang kita sudah mulai bergerak ke arah pembaharuan tema penulisan. Sejak menjelang tahun 1983 ini, tidak kurang dari 30 naskah skrip telah di semak, ditapis, dan ditatap, pada keseluruhannya (kecuali sebahagian yang sangat kecil) para penulis kita masih dengan mental dan tema 'old fashion'-nya yang menghasilkan karya-karya bercorak 'old fashion' pula. Tentu saja bagaimana acuan begitulah kuihnya. Apakah masih terlalu awal buat kita menunggu satu perubahan tema penulis-penulis dari penulis-penulis tanah air kita? Apakah para penulis kita cuma menulis tanpa mendengar konsep negara yang akan mencapai kemerdekaan penuh menjelang

tahun 1984 nanti?

Untuk menyahut seruan negara, diharapkan kepada penulis-penulis akan gugurlah titisan tinta untuk menyuburkan hasrat kerajaan, tetapi jika tinta sudah kekeringan di hujung pena para penulis untuk menulis karya-karya pembangunan dan memimpin mental masyarakat ke arah tujuan itu, maka di manakah lagi masyarakat bangsa kita mengharapkan titisan-titisan embun penyedar untuk mengembeling hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke arah rancangan kemajuan negara, yang memesatkan rancangan pertanian dan ternakan demi untuk kepentingan bangsa dan negara kita.

Apakah para penulis tanah air sedang menunggu ilham ke arah itu, dan berapa lama kita

harus menunggu ilham itu, dan apakah kita perlu menunggu bersikap 'wait and see' atau kita sendiri mencari itu ilham?

Ilham apa lagi yang harus nanti. Untuk menghadapi kemajuan pertanian, kita perlu mengubah mental anak-anak muda supaya berjinak-jinak dengan lumpur di sawah, bukannya itu satu tema penulisan. Untuk terjun ke kenchah rancangan kemajuan negara, anak-anak muda perlu di jalan raya, tapi perlu mereka itu ditarik ke persatuan-persatuan menyatukan tenaga menghadapi rancangan kemajuan yang telah pesat dilaksanakan ini.

Seksi-seksi ekonomi dalam persatuan-persatuan belia harus sudah lama digerakkan oleh tinta-tinta yang berguguran dari pena para penulis dalam menghadapi rancangan kema-



PERTANDINGAN awal Bintang Kecil Radio '83 bagi Daerah Tutong telah diadakan pada hari Ahad, 20hb Februari yang lalu (gambar atas). Seramai 30 orang peserta telah mengambil bahagian, dan seramai 17 orang saja yang akan dipilih untuk memasuki ke peraduan peringkat suku akhir (Akhir Daerah), dan akan dipilih seramai empat orang itu ke peringkat separuh akhir; senegeri yang akan diadakan di Dewan Raya RTB pertengahan bulan April.

TV-

Isnin — 7hb Mac

PAGI

8.50 LOOK, LISTEN
(Parts of My Mind)
Rancangan ini mengandungi nama-nama bahas yang perkataan yang 'h' juga diajarkan juga dimuatkan

9.20 SAINS UNTUK
(Biji Benih dan Biji Benih)
Salah satu air. Air dapat yang terdapat di dihantar ke tanah Untuk mengetahui perkara-perkara biji benih untuk rancangan ini

10.30 KAP KAP UDANG
Rancangan ini mengenai kegiatan-kegiatan ZIK, SI MANIS, LUKISAN DAN SENAM, SITI GERMIN SAKTI


PETANG

4.30 SIARAN ULANG
UDANG 818

Hari Rabu 2hb Mac, 1983.

et Bravo

Kisah 'The Runner' sahkan Johnny Duf-berusia sembilan ta-terkenal kepada pi-di kawasan Hartley Johnny telah bertem- Jean yang berpen- lah sampai masanya inasihatinya. eritanya pada malam 15.



JAMES Coburn, host rancangan DARKROOM pada hari Ahad, 11.35 malam

"Gone With The Jeep"

DENGAN tajuk cerita 'GONE WITH THE JEEP' dalam siri jenaka Private Benjamin juga malam ini mengisahkan, Private Benjamin telah tersesat jalan dan hilang di padang pasir ketika menjalani satu latihan. Kapitan Lewis pergi mencarinya. Akhirnya Private Benjamin pula yang menyelamatkan mereka berdua.

LUCIFER COMPLEX' tajuk tayangan gambar malam ini jam 10.25 mengisahkan di mana 'Cloning' telah mencapai peringkat bahaya apabila bekas saintis-saintis Nazi menggantikan ketua-ketua negara dunia dengan orang-orang yang serupa. Seorang ejen Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengeta- tahu plot ini dituduh gila, apabila dia me- nimbulkan perkara ini. Pelakun-pelakun yang membintangi tayangan gambar malam ini terdiri dari Robert Vaughn, Keenan Wynn dan lain-lain.

WORLD OF SURVIVAL dengan tajuk 'Mustang' memaparkan kehidupan Mus- tang menerusi lensa kamera Jeff Foot, se- orang penduduk California yang tinggal di Wyoning mengenai sekumpulan mustang yang masih lagi hidup bebas di sebelah ba- rat Amerika Syarikat kerana menikmati perlindungan undang-undang. Kisah ini akan dapat disaksikan esok jam 6.30 petang.



SUPERFRIENDS akan dapat disaksikan pada hari Isnin — 5.15 petang.

MULAI DARI 7HB. HINGGA 13HB. MAC 1983

Selasa — 8hb Mac

- PAGI
8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 8 (Parts of My Body)
9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Biji Benih dan Percambahan II)
10.30 KAP KAP UDANG 819.

Dalam rancangan hari ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat kegiatan-kegiatan seperti PAK LONG, KERJA TANGAN, MINUM, KATA SI MANIS, BERSENAM, YANG MANA GANJIL dan CERMIN SAKTI.

- PETANG
4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 819.

Rabu — 9hb Mac

- PAGI
8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 8 (Parts of My Body)
9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Biji Benih dan Percambahan II)
10.30 KAP KAP UDANG 820.

Rancangan kali ini dimuati dengan kegiatan-kegiatan seperti BELON SI MANIS, MINUM, GAMBAR DARI RUMAH, BERSENAM, HALAMAN MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 820.

Khamis — 10hb Mac

- PAGI
10.30 KAP KAP UDANG 821.

Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat kegiatan-kegiatan seperti BOLA TUMBUK, MAIN KIM, MINUM, SI AMIN, BELON SI MANIS, KAJIAN SEMULA JADI dan CERMIN SAKTI.

- PETANG
4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 821.

Jumaat — 11hb Mac

- PETANG
4.30 KAP KAP UDANG
Dalam rancangan ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat kegiatan-

an-kegiatan seperti BERSENAM, MAIN KIM, MINUM, MAIN BAKUL, HALAMAN MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

Sabtu — 12hb Mac

- PAGI
10.30 KAP KAP UDANG 822.

Rancangan kali ini dimuati dengan kegiatan-kegiatan seperti BELON SI MANIS, BERLAKUN, MINUM, TEKA BENDA, MAIN BOLA, DI MANA TEMPATNYA dan CERMIN SAKTI.

- PETANG
4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 822.

Ahad — 13hb Mac

- PETANG
4.30 KAP KAP UDANG
Dalam rancangan hari ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat kegiatan-kegiatan seperti MAIN BAKUL, MINUM, NAIK KUDA, HALAMAN MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

Dari Pendengar
Untuk Pendengar

MENDAPAT giliran memilih lagu-lagu dalam rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini ialah Dayang Tina bte Hussin, di alamat No. 5, Blok 3, Survey Barrack, Jalan Berakas, Brunei.
